

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 AUGUST 2016

# PM sifatkan Dr Mahathir 'kaki gaduh'

BH - 28/8/2016

[FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH]

➔ Tindakan menyerang pelbagai pihak boleh runtuhkan organisasi UMNO

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim, Abdul Razak Raaff, Shaarani Ismail dan Amin Ridzuan Ishak  
bhnews@bh.com.my

► Cameron Highlands

**D**atuk Seri Najib Razak menyifatkan kritikan dan serangan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap dirinya, parti dan negara sebagai tindakan seorang 'kaki gaduh'.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, berkata sejak dulu bekas Perdana Menteri itu mengambil sikap sama terhadap beberapa pemimpin negara lain dan terbaru, memabitkan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar.

Katanya, beliau serta Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, antara penyokong setia Dr Mahathir selama 22 tahun mentadbir negara.

"Hari ini dia (Dr Mahathir) tergamak (lakukan seperti itu). Kalau nak jatuhkan saya, bertandlinglah dalam UMNO tapi jangan sekali-kali meruntuhkan UMNO parti keramat... tapi saya percaya orang (yang) jadi kaki gaduh, dia akan cari gaduh saja.

## Serba tidak betul

"Dari zaman Tunku (Abdul Rahman Putra al-Haj), dia gaduh, dia kata Tunku tak betul... dia kata Tun Hussein Onn tak betul, dia kata Tengku Razaleigh (Hamzah) tak betul, dia kata (Tun) Musa Hitam tak betul, dia kata Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) tak betul... sekarang dia kata saya tak betul dan terbaru dia kata Sultan Johor pun tak betul.

"Jadi kalau semua tak betul, siapa yang betul? Tun Razak (Hussein) saja tak sempat, kalau umur panjang, Tun



Najib beramah mesra dengan Orang Asli Kampung Sungai Ruil di Brinchang, Cameron Highlands, semalam.

Razak pun dia kata tak betul," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Cameron Highlands di dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Haji Ahmad Shah di Tanah Rata di sini, semalam.

Yang turut hadir, Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang dan Ketua UMNO Bahagian itu, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Sambil menepis dakwaan Malaysia sebuah negara gagal kerana pelbagai perubahan dan kejayaan dicapai, Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir turut mengamalkan politik tidak selari dengan prinsip Islam apabila bersekongkol dengan Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang pernah dikritiknya sebagai anti Melayu dan Islam.

"Kini mereka sanggup duduk semeja. Inilah yang dikatakan politik matlamat menghalalkan cara sedangkan dalam Islam, matlamat dan cara mesti seiring, cara mesti betul," katanya.

Najib berkata, beliau bukan diktator, malah bersikap terbuka termasuk meminda Perlembagaan parti berhubung jawatan presiden parti kerana menyedari UMNO bukan milik seorang tetapi tiga juta ahli.

"Kalau saya nak jadi presiden lebih 22 tahun, saya boleh pakai perlembagaan zaman Tun Mahathir sebab perlembagaan dulu siapa nak bertanding presiden mesti dicalonkan 56 bahagian, baru layak lawan presiden.

## Pinda Perlembagaan parti

"(Namun) nak dapat satu pun susah sebab siapa jadi presiden, dia jadi PM (Perdana Menteri). Tetapi saya ambil langkah meminda Perlembagaan, saya serah nasib saya kepada 160,000 ahli UMNO memilih presiden dan saya menang," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga tidak mahu bersifat apologetik dalam soal mempertahankan keselamatan negara termasuk dalam isu pewartaan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2016 berikutan ancaman termasuk IS.

"Apabila kita buat undang-undang dan beri kuasa pentadbiran MKN, orang kata saya diktator, konon nak rampas kuasa Yang di-Pertuan Agong. Inilah orang tidak faham, kuasa diktator sebenar ialah ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri yang sudah dimansuhkan). Akta MKN kita guna apabila keselamatan negara terancam," katanya.

Di Kuantan, Najib mahu wakil rakyat Barisan Nasional (BN) sentiasa menjaga kawasan bagi menjamin kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

Berucap merasmikan Mesyuarat UMNO Bahagian Paya Besar di sini, semalam, beliau berkata komitmen itu penting bagi menjamin kelangsungan daya tahan parti untuk terus mentadbir negara.

"Ahli Parlimen dan ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) jaga baik kawasan masing-masing... menteri besar jaga negeri dan saya pula jaga negara. Jika semua mempunyai komitmen tinggi, sudah tentu UMNO dan BN boleh terus kekal memerintah," katanya.

## Info

### Mesyuarat UMNO Bahagian Paya Besar

- ➔ **10,000** ahli UMNO dan BN hadir pada majlis perasmian
- ➔ **Sebanyak** 80 cawangan dalam Paya Besar
- ➔ **Perdana Menteri** luluskan peruntukan RM4.5 juta untuk membina masjid di FELDA Bukit Sagu 1, Kuantan